



dagangnews.com
Berita Bisnes Anda

Harga minyak sawit bantu TH Plantations catat untung bersih RM32.6 juta

August 25, 2021

KUALA LUMPUR 25 Ogos - TH Plantations Berhad merekodkan untung bersih berjumlah RM32.6 juta bagi suku kedua tahun kewangan 2021, meningkat 144% berbanding tempoh sama tahun sebelumnya, RM13.35 juta.

Pendapatan bagi tempoh itu juga meningkat 38% kepada RM176.15 juta berbanding RM127.57 juta tahun lalu.

Bagi separuh pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, untung bersihnya meningkat kepada RM52.17 juta lebih tinggi berbanding RM400,000 yang direkodkan pada separuh pertama tahun kewangan 2020.

Dalam makluman di Bursa Malaysia hari ini, TH Plantations berkata, pendapatan yang melonjak 26.44% kepada RM307.39 juta pada separuh pertama itu sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan harga minyak sawit mentah.

Selain itu, katanya, prestasi itu juga disumbangkan menerusi pengurusan kos yang efektif dan peningkatan kecekapan.

"Pengeluaran minyak sawit mentah secara menyeluruh bagi industri adalah rendah pada suku kedua 2021 iaitu 9.33% berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Ini memandangkan kumpulan belum pulih sepenuhnya daripada kitaran musim pengeluaran rendah, kesan cuaca dan isu kekurangan tenaga buruh yang masih berpanjangan," katanya.

Pada suku kedua itu, kumpulan mengeluarkan 41,055.45 tan metrik minyak sawit mentah, iaitu 10.45% lebih rendah bagi tempoh sama 2020.

"Dengan mengambil kira paras inventori yang rendah di Malaysia, permintaan tinggi dan kekangan bekalan minyak boleh dimakan di peringkat global, kumpulan menjangkakan harga minyak mentah kekal kukuh dan baik," tambahnya. - DagangNews.com